

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABD. AZIZ BIN  
HAJI SHEIKH FADZIR  
(KULIM BANDAR BAHARU)**

**TARIKH : 09.6.2014  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah rancangan Kementerian untuk memperkasakan askar wataniah dan adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan penglibatan askar wataniah terutama kepada badan-badan bukan Kerajaan dan penambahbaikan yang telah dan sedang dilaksanakan seperti penambahan elaun dan sebagainya.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Di dalam memperkasakan Angkatan Sukarela yang terdiri dari Askar Wataniah (AW) dan Pasukan Simpanan Sukarela, Kementerian Pertahanan telah melaksanakan program penstrukturan Pasukan Simpanan melalui ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Dalam rancangan pembangunan Pasukan Simpanan ATM, Kementerian menyasarkan peningkatan penglibatan masyarakat awam dari agensi kerajaan dan swasta bagi menyertai Angkatan Sukarela melalui promosi, peningkatan mutu latihan dan menarik minat kaum bukan bumiputera. Penyertaan terhadap perkhidmatan Angkatan Sukarela akan terus diperluaskan sejajar dengan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH).**

**Pada masa ini, penyertaan terhadap perkhidmatan Angkatan Sukarela adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berkelayakan tanpa mengaitkan secara khusus kepada mana-mana badan bukan kerajaan.**

**Dalam usaha menjadikan penglibatan di dalam Angkatan Sukarela sebagai kegiatan yang bermanfaat, penambahbaikan dari segi elaun latihan telah dilaksanakan pada tahun 2011. Ketika ini, usaha bagi memperkemaskan Peraturan dan Kaedah Perkhidmatan Angkatan Sukarela juga sedang dilaksanakan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ  
[ RAUB ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN : 163**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah hutang AirAsia kepada MAHB yang masih belum dibayar ; dan
- (b) adakah Menteri memberi kebenaran kepada AirAsia mengenakan caj KLIA 2 sebanyak RM3 kepada setiap penumpang.

## **Jawapan**

Tuan Yang Dipertua,

- a) AirAsia tidak mempunyai sebarang tunggakan pembayaran cukai lapangan terbang kepada MAHB setakat ini. Semua pembayaran adalah mengikut jadual.
  
- b) Pihak Kementerian dan MAHB tidak pernah memberi kebenaran kepada AirAsia mengenakan caj di KLIA2 sebanyak RM3 kepada setiap penumpang.